



# **KUASA FOREX: BAGAIMANA SAYA MENJANA \$10,000 SEHARI MELALUI FOREX**

**MEMBINA DAN MENCIPTA KEKAYAAN  
TERPANTAS DI DUNIA**

*Oleh: Nasir Yacob*

## **Kandungan**

KUASA FOREX: BAGAIMANA SAYA MENJANA \$10,000 SEHARI MELALUI FOREX.....	1
BAB 1 : PENGENALAN.....	4
BAB 2 : ASAS FOREX.....	7
BAB 3 : URUSNIAGA FOREX.....	18
BAB 4 : ARAHAN URUSNIAGA FOREX.....	21
BAB 5 : ANALISIS TEKNIKAL.....	26
BAB 6 : ANALISIS TEKNIKAL –TEKNIK MUDAH KUASAForex .....	44
BAB 7 : ANALISIS FUNDAMENTAL.....	60
BAB 8 : TEKNIK KUASAForex BERTERUSAN MENGHASILKAN WANG (SCREEN SHOT).....	65
BAB 9 : MULAKAN LANGKAH ANDA MENCIPTA DAN MEMBINA KEKAYAAN.....	70
BAB10: PESANAN DAN PENUTUP .....	80
EARNINGS AND INCOME DISCLAIMER .....	82

# BAB 1: PENGENALAN

- ✚ Fakta Forex. Apakah forex?
- ✚ Kelebihan Forex berbanding saham
- ✚ Matawang Major (utama) dan Minor
- ✚ Currency nickname
- ✚ Matawang dan sifatnya
- ✚ Apakah yang diniagakan di forex?
- ✚ Apa alatan yang anda perlukan untuk bermula?
- ✚ Bolehkah menjadi kaya dengan Forex?
- ✚ Kekayaan dan perancangan pelaburan



## **Fakta Forex: Apakah FOREX?**

Forex adalah singkatan Bahasa Inggeris bagi FOREIGN EXCHANGE. Jika di terjemah ke Bahasa Malaysia bermaksud PERTUKARAN MATAWANG ASING.

Secara ringkas, FOREX adalah pasaran matawang dunia di mana matawang dibeli dan dijual oleh saudagar-saudagar FOREX dan bank-bank seluruh dunia.

Sebelum tahun 1996, pasaran ini hanya dibuka kepada ahli-ahli exclusive, yang terdiri daripada Bank, Institusi Pelaburan dan individu berpengaruh (High Net Worth Individuals), konglomerat multi millionaire seperti George Soros sahaja kerana modal permulaan sebanyak USD10 Juta diperlukan untuk memasuki pasaran ini. Oleh itu, pasaran forex ketika itu tidaklah popular dikalangan pelabur biasa kerana ramai yang tidak mampu dan tidak dibenarkan melabur di dalam forex. Jumlah dagangan harian juga di bawah USD500 juta setiap hari sahaja.

Kemudian, pada tahun 1996, forex dibuka kepada orang ramai selepas diluluskan buat pertama kali oleh Presiden Amerika ketika itu, Bill Clinton. Semenjak itu, broker-broker forex tumbuh bagaikan cendawan dan jumlah dagangan terus meningkat setiap tahun. Kini, purata dagangan harian forex mencapai USD2.5 trillion setiap hari.

Pasaran FOREX amat berkuasa sehingga dapat menjatuhkan ekonomi sesuatu negara dalam sekelip mata (Contoh di Russia dan Indonesia). Ingatkah anda siapa George Soros? Beliau sangat bijak menggunakan kuasa yang ada pada pasaran forex bagi mendapat keuntungan melebihi USD1 billion dalam sekelip mata sahaja.

Kini, broker forex semakin bertambah banyak dan akibat dari pada saingan broker forex di internet, modal minima membuka akaun telah menjadi semakin rendah. Kini, memadai dengan modal sebanyak USD300 sahaja, anda boleh membuka akaun dan mulakan dagangan (trade). Malah sudah ada platform broker internet forex yang menawarkan modal permulaan serendah USD25 sahaja.

**Forex** adalah suatu instrument pelaburan dunia yang terbesar dengan jumlah dagangan harian melebihi USD2.5 trillion sehari, jauh melebihi jumlah dagangan di mana-mana bursa saham dunia. Pasaran forex di buka 24 jam sehari tanpa henti ,5 hari seminggu.

Jumlah dagangan (volume) forex adalah melebihi 4 hingga 5 kali saiz pasaran niaga hadapan (futures) US. Forex juga adalah merupakan pelaburan utama bagi bank-bank perdagangan utama, bank pusat (central bank dan bank-bank komersial di seluruh dunia.

Dagangan forex adalah dagangan 2 hala. Bermakna, anda boleh mengaut keuntungan semasa aliran pasaran jatuh dan juga naik. Oleh kerana forex diniagakan 2 hala dan jumlah dagangan forex yang tinggi ini, semua orang berpeluang untuk mengaut keuntungan dan kekayaan melaluinya, dengan syarat anda tahu bagaimana caranya.

Forex bebas dari sebarang caj komisen seperti yang di amalkan di pasaran saham. Ianya juga memberikan 'leverage' yang tinggi terhadap modal. Hasil leverage yang tinggi ini membolehkan kita berdagang forex dengan memiliki sejumlah besar nilai matawang walaupun kita hanya mengeluarkan modal yang kecil. Leverage ini akan diterangkan dalam bab selanjutnya

Hasil gabungan program komputer yang baik, 'skill' dan pengalaman dalam menganalisa pasaran secara fundamental ataupun secara teknikal, anda dengan mudahnya dapat mengaut keuntungan yang banyak disamping dapat meminimalkan risiko kerugian. Kerana itulah buku KuasaForex diterbitkan bertujuan mendedahkan teknik dan rahsia bagi membolehkan anda turut serta menikmati dan membina kekayaan yang melimpah-ruah ini. Kekayaan yang tidak terbatas yang tidak seharusnya anda persiakan begitu saja. Memang rugi sungguh sesiapa yang tidak memanfaatkan sumber kekayaan ini.

## ***Kelebihan Forex berbanding saham?***

Pelaburan Forex adalah jauh lebih baik berbanding dengan saham. Ini adalah berdasarkan beberapa faktor berikut:

- ✚ **Tiada komisen**
- ✚ **Kos transaksi yang rendah.** Tiada komisen dikenakan kepada traders
- ✚ **Transaksi jual beli yang sangat pantas**
- ✚ **Kecairan (market liquidity) yang sangat tinggi.** Amat mudah untuk menunaikan keuntungan yang anda perolehi dengan klik satu butang mouse
- ✚ **Leverage yang sangat tinggi dengan modal yang kecil.** Secara umum, berniaga dalam pasaran FOREX membolehkan anda dengan modal yang kecil untuk berniaga 200 kali ganda amaun modal anda. Contoh, jika anda mempunyai RM1000 ringgit, anda boleh berurusniaga dan membuat pembelian matawang USD 50,000.00
- ✚ **Tiada 'insider', 'orang dalam', dan sindiket penipuan, berita palsu seperti yang kerap berlaku di dalam pasaran saham.** Pasaran saham secara mudah terdedah kepada permainan sindiket tertentu yang cuba melonjakkan harga saham syarikat tertentu dan menjerat pelabur yang terpedaya dan membeli saham tersebut. Pasaran forex sukar dimanipulasi kerana jumlah dagangannya terlalu besar untuk dimanipulasi oleh sesiapa. Jika seseorang ingin memanipulasi, dia tentunya mestilah mempunyai sekurang-kurangnya USD10 trillion untuk membolehkannya menguasai pasaran. Mana ada orang yang kaya sebegitu? Manusia terkaya Bill Gates pun hanya mempunyai USD56billion, jauh lagi ke USD1 trillion.
- ✚ **Dagangan 24jam, 5 hari seminggu.** Anda mempunyai kawalan pelaburan anda pada bila-bila masa. Tidak akan berlaku kes pasaran ditutup kerana tindakan terroris, bencana alam, perayaan atau cuti umum.
- ✚ **Pasaran 2 hala** (pasaran saham kebanyakannya hanya satu hala, iaitu pelabur hanya untung jika harga saham jatuh dan terpaksa menanggung kerugian jika saham jatuh kerana tidak dibenarkan short/sell.
- ✚ **Tidak dikawal oleh mana-mana Negara atau kawalan Pasaran Sentral**

## ***Matawang Major dan Minor.***


Di dalam pasaran forex, matawang diniagakan secara berpasangan. Ianya diniagakan secara berpasangan kerana dalam dagangan mestilah ada beli & jual. Contoh pasangan matawang ialah **GBP/USD**. Jika kita membeli 'BUY' pasangan ini, bermakna kita membeli GBP (Great Britain Pound) dan menjual USD (US Dollar)

Terdapat 7 matawang utama atau major yang sering didagangkan iaitu **USD, GBP, EUR, CHF, JPY, CAD & AUD**. Matawang minor pula ialah matawang seperti NZD & SGD yang turut diniagakan tetapi tidaklah menjadi *favourite* pedagang atau traders.


*\*Tip untuk mendapatkan pulangan keuntungan yang tinggi, anda disyorkan agar fokus kepada pasangan matawang yang kuat / lemah seperti GBP (kuat berbanding) JPY dan sebagainya.*

## ***Currency nickname***

Di dalam laporan berita atau news yang dikeluarkan oleh agensi-agensi berita forex, matawang juga dikenali dengan pelbagai nama samaran atau nickname. Jangan pula anda terkejut bila membaca berita mengenai matawang seperti greenback, cable, kiwi, aussie dan sebagainya. Itu hanyalah sebagai nama samaran atau nickname sahaja. Berikut adalah sebahagian dari nickname bagi matawang:

 **USD** = greenback

 **GBP** = cable

 **AUD** = aussie

 **EUR** = euro

 **CHF** = franc

 **NZD** = kiwi



## ***Ciri-ciri dan sifat sesuatu matawang***

Setiap matawang mempunyai ciri-ciri dan sifatnya yang tertentu. Ciri-ciri dan sifat sesuatu matawang itu lazimnya mengikut polisi atau dasar perdagangan negara tersebut. Contoh sifat dan ciri-ciri matawang terhadap pasaran global adalah seperti berikut:

- ✚ **GBP** : Mesra perdagangan atau *business friendly*. Sebarang berita berkenaan dengan perkembangan ekonomi seperti Indeks Pengeluaran yang positif akan melonjakkan nilai GBP.
- ✚ **CHF** : Matawang yang selamat dan stabil
- ✚ **EUR** : anti-USD, Bank Pusat Eropah sangat bimbang kekukuhan matawang USD kerana ekonomi Eropah bergantung hampir sepenuhnya kepada eksport.
- ✚ **JPY** : Sedang dalam proses mengurangkan inflasi, pengimport utama minyak dunia; sering juga sengaja dilemahkan untuk mengalakkan industri eksport.
- ✚ **AUD** : Sensitif terhadap harga emas, kerana Australia adalah pengeluar emas kedua terbesar di dunia.
- ✚ **NZD** : Mengikut AUD kerana ekonomi negara New Zealand bergantung kepada keadaan ekonomi Australia.
- ✚ **CAD** : Sensitif terhadap harga minyak mentah dunia kerana Canada adalah pengeksport minyak ke-sembilan terbesar di dunia.

## ***Apakah yang sebenarnya diniagakan di pasaran FOREX?***

Pasaran FOREX ialah urusan jual beli pertukaran matawang. Dalam erti kata lain, pasaran FOREX ialah tempat dimana satu matawang di beli/di jual/ditukarkan ke matawang lain.

Sebagai contoh, satu urusan FOREX adalah pertukaran Ringgit Malaysia ke US Dollar. Satu lagi contoh urusan ialah pertukaran Yen Jepun ke Euro.

Sebenarnya, saya boleh katakan bahawa anda dan semua orang (walaupun datuk dan

nenek di kampung) terlibat dalam forex secara tak langsung. Kenapa?

Begini. Katalah anda membeli sesuatu barangan import seperti alatan elektik, alat ganti kereta malah susu, daging, keju dan sebagainya, pengimport atau pedagang antarabangsa ini sebenarnya perlu membayar kos modal tersebut dengan matawang ringgit malaysia (RM) yang telah ditukar kepada matawang asing seperti Australian Dollar (AUD), New Zealand Dollar (NZD), US Dollar (USD), Japanese Yen (JPY) dan sebagainya. Begitulah juga, pekebun getah Malaysia akan mengeksport getah ke pasaran dunia (melalui pengeskport) dan perlu menjualnya di pasaran dunia berdasarkan nilai matawang.

Maka, secara tidak langsung, apabila kita membeli sesuatu barangan, kita juga sebenarnya menyumbang kepada naik atau turun pasaran forex. Sekarang, dengan contoh mudah ini, anda nampak kenapa forex menjadi pasaran dagangan yang paling besar di dunia? Ya, kerana kita sebenarnya terlibat setiap hari secara langsung atau tidak langsung di dalam pasaran forex.

### ***Apakah peralatan yang anda perlukan untuk bermula?***

Untuk menjadi seorang pedagang matawang, anda tidak memerlukan modal yang besar untuk peralatan dan gadget. Memadai hanya sebuah komputer beserta sambungan internet. Itu sahaja! Amat mudah untuk dimulakan berbanding perniagaan yang lazimnya memerlukan modal yang banyak dan jangka masa yang lama untuk membuat setting sebelum boleh berniaga.

Ya, itu saja alat yang anda perlukan. Dan jika anda ada modal lebih, mungkin anda boleh membeli handphone atau network card berkeupayaan 3G atau EDGE berserta langganan internet (Maxis dan DiGi ada pakej wireless broadband ini). Dengan kemudahan ini, anda boleh mendapat sambungan internet berkelajuan tinggi di mana-mana saja dan tidak terhad di hotspot sahaja

Jadi, dengan teknologi 3G dan EDGE ini, anda boleh melakukan urusan forex dimana-mana sahaja anda berada, walaupun ketika menaiki bas ekspres atau dalam

keretapi yang sedang bergerak sekalipun. Buka laptop anda dan sambungkan saja internet melalui handphone anda (tetapi pastikan anda subscribe data service atau dikenali juga dengan internet service) Saya tidak melepaskan peluang berdagang forex walaupun semasa sedang bercuti di tempat-tempat peranginan bersama keluarga, asal saja ada akses internet melalui 3G/ EDGE.

### ***Bolehkan anda menjadi kaya dengan forex?***

Sudah tentu! Bayangkanlah jika anda berjaya memperolehi pendapatan paling corot pun USD\$100 hingga USD\$200 sehari. Jika ditukar ke ringgit malaysia, ia bersamaan RM\$350 hingga RM\$700 sehari. Andaikan anda trade 20 hari sebulan, bermakna anda boleh dapat sekitar RM7,000 hingga RM14,000 sebulan. Bagi saya, itu sudah kira corot. Tapi jika dibandingkan dengan gaji manager saya dahulu, jumlah pendapatan tercorot saya ini jauh melebihi gajinya dahulu.

### ***Kekayaan dan Perancangan Pelaburan.***

Bila memperkatakan tentang kekayaan, ramai di kalangan kita mengukurnya dengan melihat jenis kereta yang dipandu sebagai ukuran. Terpulanglah kepada individu. Untuk diri saya, daripada membazir membeli kereta mahal yang semakin susut nilai yang menjadi besi buruk akhirnya, saya lebih suka memenuhi hingga had maksimum ASB saya dan isteri (had maksima simpanan ASB bagi setiap individu ialah \$200,000.00) dan menggunakan hasil keuntungan forex membeli dan menambah hartanah sekitar Kuala Lumpur. Sebab itulah hasil pendapatan forex saya, saya alirkan ke hartanah. Hartanah akan meningkat nilainya setiap tahun, memberikan kesan **double impact** kepada nilai aset dan kita boleh menjadi semakin kaya.

Jika kena caranya, duit keuntungan forex anda boleh berkembang dan menjadi semakin banyak (contohnya dengan duit pelaburan itu anda membeli hartanah, simpan di saham amanah, Mutual Fund dsb).

Saya mempunyai beberapa orang kawan jutawan berbangsa cina tetapi hanya

memandu kereta lama jenis Nissan Sunny 130Y. Saya pernah bertanya tentang perkara ini (tukar kereta mewah) kepada salah seorang kawan jutawan berbangsa cina itu. Jawabnya mudah. Katanya, dia hanya akan membeli kereta mewah jika sasarannya memiliki sekurang-kurangnya 50 buah rumah dan lot kedai tercapai (ketika itu beliau memiliki 38 buah rumah & lot kedai). Hah!!! Terlopong saya mendengarnya. Malu pun ada kerana saya memandu kereta yang elok sikit daripada beliau.

Apa yang saya ceritakan dan ingin saya sampaikan disini ialah kita perlu perancangan untuk menjadi kaya. Jika anda hendak menjadi kaya dengan duit keuntungan forex, anda seharusnya mempunyai perancangan dan prinsip pelaburan yang kukuh. Jika anda untung banyak dalam forex anda berhak mendapat ganjaran atau *reward* (berupa kereta mewah dsb). Tetapi, jika anda melewati sedikit untuk berbelanja reward anda dan invest /melabur kembali keuntungan forex anda, tentu anda boleh menjadi kaya. Pelaburan memerlukan pelan dan perancangan. Tanpa pelan dan perancangan, walaupun kita memperolehi wang yang banyak pun, susah nak jadi kaya.

Namun, terpulanglah kepada anda bagaimana anda mahu membelanjakan wang hasil forex anda. Saya hanya memberi cadangan sahaja agar keuntungan anda itu boleh menghasilkan keuntungan lagi. Yang pasti, jika kena caranya, forex memang menghasilkan pulangan yang sungguh lumayan kepada semua orang yang tahu caranya.

Sebagai pedagang forex, saya dan anda mampu berterus-terusan mengambil 'sedikit' dari kekayaan forex ini. Saya katakan 'sedikit' kerana apalah sangat jika saya dan anda mengambil RM10,000 sehari dalam lubuk wang bernilai USD2.5 trillion atau hampir RM9 trillion sehari itu? Lagipun, bukannya ramai yang mengambilnya kerana ramai yang tidak tahu cara dan teknikanya kerana tidak mahu belajar caranya.

Kini, anda juga boleh turut serta bersama-sama mengambil kekayaan dari lubuk wang ini. Rugi benar rasanya sesiapa yang tidak mahu. Apakah daya, mereka tidak

mahu...biarlah. Kebanyakan dari golongan yang tidak mahu ini, hanya tahu mencebik, mengata (*condemn*) dan mengada-ngada sahaja. Mujurlah kita tergolong di kalangan orang yang terang mata hatinya, dan dapat melihat sesuatu yang ramai orang tidak nampak...iaitu lubuk wang forex! ***Ramai yang melihat, tapi tidak nampak.***

Baiklah, sekarang marilah kita mulakan mempelajari forex bagi membolehkan anda menimba sebanyak mana wang yang anda mahu.....timba dan kautlah wang dari lubuk wang ini, sebanyak mana yang anda mahu.,setiap hari....24jam sehari.

## BAB 2 :Asas FOREX

- ✚ Lot
- ✚ Pasangan Matawang
- ✚ Base currencies/ Quote currencies
- ✚ Pips
- ✚ Ticks
- ✚ Bid
- ✚ Ask
- ✚ Spreads



## LOTS

1. Lots adalah jumlah minimum ekuiti (matawang) yang diniagakan dipasaran forex.
2. Matawang diniagakan dalam bentuk Lot untuk membolehkan keseragaman harga pasaran bagi sesuatu matawang.
3. Untuk akaun forex STANDARD, 1 lot bersamaan dengan USD1000
4. Untuk akaun forex MINI, 1 lot bersamaan dengan USD50

## Pasangan matawang

Dealing Rates (Advanced) (24)							
EUR/USD 04:18:47	USD/JPY 04:18:48	GBP/USD 04:18:47	USD/CHF 04:18:46				
Low:1.3378 High:1.3413	Low:117.25 High:117.70	Low:1.9662 High:1.9700	Low:1.2074 High:1.2107				
1.3370	1.3373	1.9637	1.9640	1.9667	1.9671	1.2097	1.2100
Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy				
EUR/CHF 04:18:26	AUD/USD 04:18:48	USD/CAD 04:18:46	NZD/USD 04:18:24				
Low:1.6172 High:1.6203	Low:0.8054 High:0.8091	Low:1.1550 High:1.1573	Low:0.7077 High:0.7116				
1.6177	1.6179	0.8062	0.8065	1.1568	1.1573	0.7086	0.7091
Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy				
EUR/GBP 04:18:47	EUR/JPY 04:18:48	GBP/JPY 04:18:48	CHF/JPY 04:18:48				
Low:0.6796 High:0.6811	Low:157.10 High:157.53	Low:230.75 High:231.65	Low:96.93 High:97.32				
0.6798	0.6799	156.95	156.98	230.85	230.92	97.01	97.05
Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy				
GBP/CHF 04:18:46	EUR/AUD 04:18:48	EUR/CAD 04:18:47	AUD/CAD 04:18:48				
Low:2.3763 High:2.3817	Low:1.6551 High:1.6619	Low:1.5455 High:1.5508	Low:0.9313 High:0.9356				
2.3794	2.3799	1.6580	1.6587	1.5466	1.5474	0.9325	0.9332
Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy	Sell Buy				

1. Urusniaga forex melibatkan pembelian dan penjualan matawang.
2. BUY: Apabila anda membeli sesuatu pasangan matawang, anda sebenarnya membeli 'base currency' matawang itu, dan secara automatiknya menjual 'quote currency' pasangan matawang itu
3. SELL: Apabila anda menjual sesuatu pasangan matawang, anda sebenarnya menjual 'base currency' matawang itu, dan secara automatiknya membeli 'quote currency' pasangan matawang itu

4. Mengikut konvensyen sedunia, 'base currencies' adalah lebih kuat berbanding dengan 'quote currencies'. Contoh: EUR/USD, USD/JPY, GBP/USD

### **Base currencies / Quote Currencies:**

Matawang Forex terbahagi kepada dua kelas yang utama iaitu base currency dan quote currency

🚩 **Base currency** merangkumi matawang yang nilainya lebih besar dari US Dollar contoh seperti matawang Euro(EUR), Great Britain Pound(GBP)

🚩 **Quote currency** pula ialah matawang yang lebih rendah nilainya berbanding US Dollar. Contoh seperti Japan Yen(JPY), Swiss France(CHF) dan Australian Dollar(AUS).

### **Nilai pasaran.**

Nilai pasaran ialah nilai terkini dimana para pelabur boleh membeli dan menjual sesuatu pasangan matawang itu.

Nilai pasaran ini akan berubah-ubah harganya dan perubahan ini dikenali sebagai 'ticks'

Apabila nilai pasaran ini naik, kita katakan pasaran "**bullish**", sebaliknya, jika nilai pasaran pasangan tersebut jatuh, kita kenalnya sebagai '**bearish**'.

Untuk mendapatkan keuntungan forex, kita perlu memastikan dahulu arah pasaran bagi sesuatu pasangan matawang itu samada pasaran bagi pasangan tersebut



‘bullish’ atau ‘bearish’.

Jika arah pergerakan pasangan matawang itu naik atau bullish, kita hendaklah membuat trade BUY atau juga dikenali sebagai LONG. Sebaliknya, jika arah pasaran menurun, kita membuat trade SELL atau juga dikenali sebagai SHORT.

Untuk memudahkan pemahaman, saya buat satu contoh bagi menerangkan BUY/LONG & SELL/SHORT ini agar anda mudah nampak dan faham. Saya menggunakan contoh barang (emas) disini kerana jika saya menggunakan contoh matawang, mungkin ramai yang kurang faham.

**Contoh BUY/LONG:** Anda membeli 1 kilo emas hari ini kerana anda pasti harga pasaran emas akan naik esok (andaikan harga emas hari ini adalah \$72,000/kg). Keesokkannya, harga emas naik ke \$75,000/kg. Anda terus menjualnya dan untung anda ialah \$2,000. Anda mendapat untung ini kerana anda mengikut pasaran (trade with trends) iaitu, semasa pasaran naik, anda beli iaitu LONG/BUY.

**Contoh SELL/SHORT:** Anda mendengar berita bahawa harga pasaran emas akan jatuh dan harga minyak pula yang naik mendadak (harga minyak dan emas saling bertentangan). Maka, anda mengambil keputusan untuk SHORT/SELL atau untuk lebih senang faham=> “Jual dulu, beli kemudian”. Maka anda terus menjual emas (anda boleh jual walaupun belum memilikinya) pada harga \$75,000/kg.

Keesokkan harinya, memang betul harga emas jatuh ke \$65,000/kg dan anda membelinya dengan menggunakan hasil jualan emas semalam (\$75,000). Maka, anda telah mendapat untung sebanyak RM10,000

**\*\*Contoh ini saya berikan hanyalah sebagai memudahkan pemahaman sahaja.**

## **PIPS.**

Pips ialah nilai (perpuluhan) terkecil di dalam sesuatu pair matawang itu. Sebagai contoh, harga belian bagi pair GBP/USD ialah 1.9770. Jika pair ini berubah ke 1,9771, maka perubahannya hanyalah 0.0001. Perubahan 0.0001 ini kita katakan 1 pip.

Nilai keuntungan pips adalah berbeza-beza diantara pair dan ianya juga bergantung kepada jenis akaun anda. Sebagai contoh, keuntungan 1 pip bagi pair GBP/USD adalah bersamaan USD1 (mini account) atau USD10 (standard account)

## **Persediaan sebelum memasuki alam Forex.**

Berikut adalah beberapa tips dan saranan sebelum anda memasuki dunia sebenar forex.

1. Belajar dan berusaha untuk memahami asas forex terlebih dahulu sebelum memulakan forex trading sebenar
2. Sebaik-baiknya lakukan latihan trading forex dengan akaun demo dahulu (wang maya diberi percuma kepada anda). Anda boleh daftar demo akaun di broker Forex seperti Northfinance, Marketiva, InterbankFx atau FXCM.
3. Belajarlah mengawal perasaan agar tidak terganggu dengan keuntungan mahupun kerugian dalam Forex. Ingatlah bahawa 90% ke 95% pedagang forex selalunya gagal kerana tidak mampu mengawal emosi mereka. **Saya cadangkan agar anda kikis emosi itu dan hanya trade berdasarkan arah pasaran (bukan mahu pasaran ikut anda). Maknanya, anda trade mengikut signal yang dikeluarkan oleh ExpertAdvisor. Trade macam robot, tanpa perasaan dan berpandukan signal komputer sahaja. Target anda adalah memastikan kadar keuntungan anda lebih banyak dari kadar kerugian.**
4. Berdisiplin dan cuba memahirkan diri dengan satu system/teknik forex terlebih dahulu sebelum mencuba dengan teknik yang lain. Saya cadangkan anda menggunakan sepenuhnya teknik ExpertAdvisor Kuasaforex yang saya sertakan. Ini kerana jika saya menggunakan cara yang sama dan berjaya memperolehi wang yang banyak, tentunya anda juga boleh mendapat hasil

yang sama. Saya juga sertakan teknik Profitable Forex Trading System untuk anda cuba.

### ***Penggerak Pasaran Forex.***

Walaupun tiada siapa yang mempunyai kawalan mutlak keatas pasaran Forex, namun terdapat beberapa faktor dan kumpulan besar yang mampu menggerakkan pasaran.

1. Kumpulan pertama ialah dari syarikat Koporat/ Multinasional, yang mana mereka ini secara kerap berdagang merentas negara dan melakukan tukaran wang asing setiap hari.
2. Kumpulan kedua ialah Broker. Ia bertindak sebagai platform atau perantara diantara diantara individu profesional, broker-broker lain mahupun bank.
3. Kumpulan ketiga ialah Syarikat Kewangan atau Bank. Terutamanya bank besar seperti Central bank/ Bank Negara yang mana setiap kali kerajaan atau bank itu mengubah polisi dalaman, seringkali pasaran Forex turut berubah.

## **Broker Forex :**

Seperti yang telah dibincangkan tadi, setiap kali kita berdagang di Forex, kita sebenarnya membeli atau menjual antara dua matawang asing. Setiap Broker Forex ada menawarkan pasangan(pair) matawang asing ini untuk didagangkan dan kita boleh mengaksesnya di Platform atau TradingStation yang disediakan oleh setiap broker.

Untuk memilih broker forex, pastikan bahawa broker forex itu telah berdaftar dan diiktiraf oleh Futures Commission Merchant (FCM) dan Commodity Futures Trading Commission (CFTC) dan juga ahli berdaftar dengan National Futures Association (NFA).

Lesen broker forex dikawal dengan dgn sangat ketat dan sukar diperolehi. Sesuatu syarikat broker forex itu perlu memenuhi syarat dan peraturan majlis kewangan antarabangsa seperti di atas. Antara broker forex yg diiktiraf ialah:

Contoh broker Forex ialah seperti Marketiva, Northfinance, CMSFX, FXCM, FXCH, InterbankFx, FxSol dan banyak lagi. Sila rujuk laman web broker tersebut untuk mengetahui lebih lanjut tentang modal minimum, cara membuka akaun, cara pengeluaran wang dan sebagainya kerana setiap broker adalah berbeza.

Sebagai contoh, FXCM mensyaratkan modal minimum membuka akaun adalah sebanyak USD300 manakala FXCH pula adalah USD2000

## **Introducing Broker (IB)**

Ramai yang keliru dengan Introducing broker dan menyangkakan Introducing Broker adalah cawangan kepada syarikat broker. Ini adalah anggapan yang sangat salah.

Sesuai dengan namanya, IB hanyalah bertindak sebagai agen pengenalan (introducer) atau agen yang mencari dan memperkenalkan traders baru kepada syarikat broker. Sebagai ganjaran, syarikat broker akan memberikan ganjaran berupa perkongsian keuntungan spread dengan IB.

Ini bermakna, semakin ramai agen IB dapat memperkenalkan traders baru yang membuka akaun dan trade dengan sesuatu syarikat broker, semakin banyaklah juga pendapatan IB tersebut.

Maka, janganlah anda teruja bila terjumpa seseorang yang bertindak sebagai IB ini dan kelam-kabut meminta nasihat pelaburan forex dari mereka pula. Mereka ini bukannya wakil syarikat broker, tetapi introducer sahaja. Atau lebih mudah dikatakan sebagai marketing agen syarikat broker sahaja. Dan jangan terkejut jika ramai dikalangan pekerja syarikat IB ini sendiri pun tidak faham forex sepenuhnya.

## Bid Price (Harga Jualan)

Dealing Rates (Simple) (25)								
Curre...	Sell	Buy	High	Low	Intr S	Intr B	Pip C...	M ^
EUR/USD	1.3452	1.3455	1.3513	1.3437	5.10	-5.75	10.00	
USD/JPY	121.55	121.58	121.58	121.07	-13.20	13.00	8.23	
GBP/USD	1.9755	1.9759	1.9771	1.9698	-1.60	0.60	10.00	
USD/CHF	1.2288	1.2292	1.2331	1.2269	-8.80	8.30	8.14	
EUR/CHF	1.6535	1.6539	1.6582	1.6532	-6.20	6.00	8.14	
AUD/USD	0.8202	0.8205	0.8241	0.8198	-2.30	1.80	10.00	
USD/CAD	1.0861	1.0865	1.0897	1.0827	-3.10	2.85	9.21	
NZD/USD	0.7264	0.7268	0.7311	0.7260	-5.40	5.20	10.00	
EUR/GBP	0.6809	0.6813	0.6843	0.6809	5.50	-7.00	19.76	
EUR/JPY	163.52	163.56	163.66	163.24	-12.50	12.10	8.23	
GBP/JPY	240.15	240.22	240.27	239.08	-27.90	26.40	8.23	
CHF/JPY	98.88	98.94	98.96	98.53	-4.00	3.60	8.23	
GBP/CHF	2.4278	2.4286	2.4325	2.4231	-19.10	17.10	8.14	
EUR/AUD	1.6396	1.6405	1.6417	1.6351	8.40	-9.00	8.20	
EUR/CAD	1.4610	1.4618	1.4724	1.4570	1.10	-1.70	9.21	
AUD/CAD	0.8908	0.8915	0.8980	0.8892	-4.80	4.10	9.21	
AUD/JPY	99.71	99.75	100.02	99.59	-13.20	12.50	8.23	
CAD/JPY	111.89	111.94	112.22	111.13	-9.40	8.90	8.23	
NZD/JPY	88.29	88.37	88.82	88.20	-15.40	14.40	8.23	
GBP/AUD	2.4080	2.4092	2.4108	2.3954	3.00	-4.00	8.20	
AUD/NZD	1.1285	1.1293	1.1298	1.1238	3.80	-4.10	7.27	

**BID Price (Sell price)** adalah harga dimana “dealer” sanggup membeli Matawang Dasar (BASE CURRENCY) sebagai pertukaran dengan Matawang Quote (QUOTE CURRENCY). Anda boleh **menjual** matawang pada harga ini kerana dealer sanggup membelinya. Harga ini diletakkan di dalam kolum **SELL**.

Bid price ini memang semestinya lebih rendah dari harga nilai pasaran bagi sesuatu pasangan matawang itu (inilah yang dikatakan perbezaan spread yang akan dibincangkan sebentar lagi). Bermakna, jika anda hendak menjualnya, harga anda adalah beberapa pips dibawah harga pasaran.

## ASK Price (Harga Belian)

Dealing Rates (Simple) (25)								
Curre...	Sell	Buy	High	Low	Intr S	Intr B	Pip C...	M ^
EUR/USD	1.3452	1.3455	1.3513	1.3437	5.10	-5.75	10.00	
USD/JPY	121.55	121.58	121.58	121.07	-13.20	13.00	8.23	
GBP/USD	1.9755	1.9759	1.9771	1.9698	-1.60	0.60	10.00	
USD/CHF	1.2288	1.2292	1.2331	1.2269	-8.80	8.30	8.14	
EUR/CHF	1.6535	1.6539	1.6582	1.6532	-6.20	6.00	8.14	
AUD/USD	0.8202	0.8205	0.8241	0.8198	-2.30	1.80	10.00	
USD/CAD	1.0861	1.0865	1.0897	1.0827	-3.10	2.85	9.21	
NZD/USD	0.7264	0.7268	0.7311	0.7260	-5.40	5.20	10.00	
EUR/GBP	0.6809	0.6813	0.6843	0.6809	5.50	-7.00	19.76	
EUR/JPY	163.52	163.56	163.66	163.24	-12.50	12.10	8.23	
GBP/JPY	240.15	240.22	240.27	239.08	-27.90	26.40	8.23	
CHF/JPY	98.88	98.94	98.96	98.53	-4.00	3.60	8.23	
GBP/CHF	2.4278	2.4286	2.4325	2.4231	-19.10	17.10	8.14	
EUR/AUD	1.6396	1.6405	1.6417	1.6351	8.40	-9.00	8.20	
EUR/CAD	1.4610	1.4618	1.4724	1.4570	1.10	-1.70	9.21	
AUD/CAD	0.8908	0.8915	0.8980	0.8892	-4.80	4.10	9.21	
AUD/JPY	99.71	99.75	100.02	99.59	-13.20	12.50	8.23	
CAD/JPY	111.89	111.94	112.22	111.13	-9.40	8.90	8.23	
NZD/JPY	88.29	88.37	88.82	88.20	-15.40	14.40	8.23	
GBP/AUD	2.4080	2.4092	2.4108	2.3954	3.00	-4.00	8.20	
AUD/NZD	1.1285	1.1293	1.1298	1.1238	3.80	-4.10	7.27	

**ASK /BUY Price (Harga Belian)** adalah harga dimana “dealer” sanggup menjual Matawang Dasar (BASE CURRENCY) kepada anda sebagai pertukaran dengan Matawang Quote (QUOTE CURRENCY). Bermakna ini adalah harga yang diberikan oleh dealer kepada anda jika anda hendak membuat pembelian matawang anda.



## SPREAD

Perbezaan diantara harga **BID** dan **ASK** dinamakan **SPREAD**.



Curre...	Sell	Buy	High	Low	Intr S	Intr B	Pip C...	M
EUR/USD	1.3452	1.3455	1.3513	1.3437	5.10	-5.75	10.00	
USD/JPY	121.55	121.58	121.58	121.07	-13.20	13.00	8.23	
GBP/USD	1.9755	1.9759	1.9771	1.9698	-1.60	0.60	10.00	

Gambarajah di atas adalah sesuatu yang lazim dapat dilihat di mana-mana laman web FOREX atau perisian trading broker-broker FOREX.

Pada contoh diatas menunjukkan EUR/USD di mana Euro adalah matawang dasar (BASE CURRENCY) dan USD adalah Quote currencies. Dalam contoh gambarajah diatas anda boleh membeli Euro dengan kadar 1.3452 dan anda boleh menjual Euro dengan kadar 1.3455

Spread dalam contoh ini adalah perbezaan di antara harga BUY dan SELL. Dalam contoh ini, spread adalah **USD\$1.3452 – USD\$1.3455 =USD\$0.0003** atau juga dikenali sebagai 3 pip.


Ini bermakna, jika anda telah membeli pair ini pada harga 1.3455 dan tiba-tiba menukar fikiran, anda hanya boleh menjualnya pada harga 1,3452. Anda akan rugi -3pip . Ini ialah spread. Spread inilah sebenarnya yang diambil oleh broker sebagai pendapatan atau revenue bagi syarikat broker itu.

Spread ini berbeza diantara satu pair dengan pair yang lain. Ianya juga berbeza d antara broker. Anda dicadangkan memilih broker yang memberikan spread (atau perbezaan) yang kecil kerana spread yang besar merugikan anda.



## BAB 3 : URUSNIAGA FOREX

- ✚ Untung
- ✚ Rugi
- ✚ Kos urusniaga
- ✚ Margin Call



## **Untung Forex.**

Bagi mendapat keuntungan dalam Forex, kita perlu membuat arahan belian (BUY/LONG) ketika harga pasaran menaik atau BULL. Sebaik sahaja anda membuat pembelian ini, anda dikatakan telah “membuka” position (Open Position). Jika harga terus menaik, anda akan mendapat untung. Untuk mendapatkan untung tersebut, anda mestilah menamatkan urusan ini dengan menjual atau menutup position anda tadi (Close position). Traders akan menutup position pada ketika harga pasaran berada dipuncak dan carta menunjukkan tanda-tanda perubahan arah pasaran (reversal)

Pada keadaan sebaliknya (harga pasaran dijangka jatuh) arahan jualan (SELL/SHORT) perlu dilakukan. Kita akan menjual dahulu pair matawang tersebut semasa harganya masih mahal dari dealer (umpama pinjam dahulu) dan kemudian bila harga jatuh murah, kita membeli semula pair tersebut dengan harga lebih murah kemudiannya.

Harap anda masih ingat lagi contoh pembelian & penjualan emas di bab sebelumnya kerana konsepnya adalah sama.

## **Kos urusan.**

Kos urusan di dalam forex adalah melibatkan SPREAD dan ROLLOVER. Rollover terjadi apabila terdapat Open Position yang belum ditutup yang dibawa ke hari yang berikutnya. Kos rollover ini perlu ditanggung oleh traders. Pun begitu, sebenarnya traders juga boleh mendapat untung dari rollover ini.

Pengiraan rollover ini agak rumit dan anda tidak perlu bersusah payah mengiranya kerana ia akan dikira secara automatik dan ada dipaparkan bersama open position anda.

## **Margin Call**

Margin adalah jumlah dana minima yang perlu ada untuk membolehkan traders mengekalkan open position yang ada atau untuk membuka position yang baru. Margin Call akan berlaku jika dana di dalam akaun forex anda susut dan kurang.

Jika berlaku margin call, kesemua open position anda akan ditutup secara automatik. Anda disarankan agar memasukkan (top up deposit) modal yang cukup untuk menampung kerugian bagi mengelakkan margin call ini.

# BAB 4 : ARAHAN URUSNIAGA FOREX

- ✚ **Market Orders**
- ✚ **Entry Orders**
- ✚ **Limit Orders**
- ✚ **Stop Orders**



## JENIS-JENIS ARAHAN BAGI URUSNIAGA FOREX:

The screenshot displays a Forex trading interface. On the left, a table titled 'Dealing Rates (Simple) (25)' lists various currency pairs with their respective Sell, Buy, High, and Low prices. The 'Buy' column is highlighted in green. On the right, a 'Create a Market Order' dialog box is open, showing the account number 00517114, currency EUR/USD, and a buy order for 100 units at a rate of 1.3455. The dialog also includes fields for Stop and Limit orders, with a Trailing Stop option checked.

Curre...	Sell	Buy	High	Low
EUR/USD	1.3452	1.3455	1.3513	1.3437
USD/JPY	121.53	121.56	121.61	121.07
GBP/USD	1.9748	1.9752	1.9771	1.9698
USD/CHF	1.2294	1.2298	1.2331	1.2269
EUR/CHF	1.6540	1.6545	1.6582	1.6530
AUD/USD	0.8201	0.8204	0.8241	0.8195
USD/CAD	1.0856	1.0860	1.0897	1.0827
NZD/USD	0.7269	0.7273	0.7311	0.7260
EUR/GBP	0.6812	0.6814	0.6843	0.6809
EUR/JPY	163.51	163.55	163.66	163.24
GBP/JPY	240.02	240.10	240.27	239.08
CHF/JPY	98.82	98.88	98.98	98.53
GBP/CHF	2.4281	2.4288	2.4325	2.4231
EUR/AUD	1.6398	1.6407	1.6417	1.6351
EUR/CAD	1.4603	1.4610	1.4724	1.4570
AUD/CAD	0.8903	0.8910	0.8980	0.8892
AUD/JPY	99.68	99.72	100.02	99.59
CAD/JPY	111.93	111.98	112.22	111.13
NZD/JPY	88.35	88.41	88.82	88.20
GBP/AUD	2.4073	2.4085	2.4108	2.3954
AUD/NZD	1.1278	1.1285	1.1299	1.1238

**Create a Market Order**

Account: 00517114  
 Currency: EUR/USD  
 Sell/Buy: ☐ Sell ☒ Buy  
 Amount (K): 100  
 Rate: 1.3455  
 At Market: 0  
 Stop/Limit:  
☒ Stop: 1.3440 <=1.3451  
☒ Limit: 1.3480 >=1.3456  
☒ Trailing Stop  
 Rate Min. Move: 10

1. **Market Order:** Membeli(Buy New) atau menjual(Sell New) matawang pada harga semasa atau harga pasaran. Contoh diatas, bila anda **klik BUY** pada trading platform anda, anda boleh membeli pada **harga pasaran 1.3455** atau menjual pada harga yang ditawarkan oleh dealer iaitu **1.3452**. Pada harga market order ini, dealer akan menawarkan harga belian kepada anda di atas harga pasaran & menawarkan anda untuk menjual dibawah harga pasaran (dealer untung di atas perbezaan spread)

## 2. Entry Order



- ✚ Jika anda tidak mahu LONG atau SHORT pada harga semasa (market order), anda juga boleh membuat tempahan untuk memasuki pasaran pada harga tertentu yang anda suka. Contohnya jika harga belian sekarang dirasakan terlalu tinggi, anda boleh menempah posisi anda pada harga yang lebih rendah. Klik butang ENTRY dan masukkan arahan. Dalam contoh di atas, harga belian semasa ialah 1.3457. Tetapi anda mahu menunggu harga jatuh & ingin membeli pada harga **1.3440** iaitu harga yang lebih rendah dari yang ditawarkan sekarang. Maka anda perlu membuat ENTRY order.

### 3. Limit Order:

The screenshot shows a trading interface. On the left is a table of currency pairs with their current prices. On the right is a 'Create a Market Order' dialog box. The dialog box is configured for a Buy order of 100 units of EUR/USD at a rate of 1.3455. It includes fields for Stop and Limit orders, both set to 1.3480, and a Trailing Stop checkbox which is checked. The Rate Min. Move is set to 10.

Curre...	Sell	Buy	High	Low
EUR/USD	1.3452	1.3455	1.3513	1.3437
USD/JPY	121.53	121.56	121.61	121.07
GBP/USD	1.9748	1.9752	1.9771	1.9698
USD/CHF	1.2294	1.2298	1.2331	1.2269
EUR/CHF	1.6540	1.6545	1.6582	1.6530
AUD/USD	0.8201	0.8204	0.8241	0.8195
USD/CAD	1.0856	1.0860	1.0897	1.0827
NZD/USD	0.7269	0.7273	0.7311	0.7260
EUR/GBP	0.6812	0.6814	0.6843	0.6809
EUR/JPY	163.51	163.55	163.66	163.24
GBP/JPY	240.02	240.10	240.27	239.08
CHF/JPY	98.82	98.88	98.98	98.53
GBP/CHF	2.4281	2.4288	2.4325	2.4231
EUR/AUD	1.6398	1.6407	1.6417	1.6351
EUR/CAD	1.4603	1.4610	1.4724	1.4570
AUD/CAD	0.8903	0.8910	0.8980	0.8892
AUD/JPY	99.68	99.72	100.02	99.59
CAD/JPY	111.93	111.98	112.22	111.13
NZD/JPY	88.35	88.41	88.82	88.20
GBP/AUD	2.4073	2.4085	2.4108	2.3954
AUD/NZD	1.1278	1.1285	1.1299	1.1238

**Create a Market Order**

Account: 00517114  
 Currency: EUR/USD  
 Sell/Buy: ☐ Sell ☒ Buy  
 Amount (K): 100  
 Rate: 1.3455  
 At Market: 0  
 Stop/Limit:  
☒ Stop: 1.3440 <=1.3451  
☒ Limit: 1.3480 >=1.3456  
☒ Trailing Stop  
 Rate Min. Move: 10

🚩 **Limit order atau Target Point (TP)** adalah arahan yang kita berikan kepada dealer untuk menutup posisi kita bagi mendapatkan keuntungan. Contoh, anda membeli EUR/USD diatas pada harga 1.3455 dan ingin menutup (close) position anda pada harga sasaran 1.3480 iaitu 25pips lebih tinggi. Maka, anda akan key-in data tersebut seperti gambarajah diatas.

3. **Arahan Stop Loss(SL)** StopLoss (Tahap berhenti & keluar) adalah arahan yang bertindak menutup posisi open trade secara automatik apabila posisi semasa mengalami kerugian dan mencapai sasaran Stop Loss yang telah kita tetapkan



Peringatan: Adalah penting untuk menetapkan arahan SL dan TP untuk setiap posisi trading kita. Ini adalah salah satu fungsi yang membolehkan kita mengawal kerugian dan memaksimakan keuntungan



## BAB 5 : ANALISIS TEKNIKAL (TECHNICAL ANALYSIS)



Menganalisa harga pasaran secara teknikal adalah satu cara untuk kita mengetahui dan meramal trend yang akan terbentuk dengan membandingkan corak(patern) trend sekarang dengan patern market yang lepas-lepas

Mengikut analisis teknikal, pasaran seakan mempunyai ingatan atau “memory” dan selalunya mengikut trend yang lepas. Contohnya, jika pada suatu ketika dahulu, jika harga mencapai satu tahap satu point tertentu & kemudian harga jatuh menjunam, besar kemungkinan ianya akan berlaku lagi pada masa hadapan pada titik yang sama. Kita kenali titik ini sebagai penghalan atau resistance

Dua komponen utama dalam analisa teknikal ialah chart(carta) dan indicator(petunjuk). Indicator ini bertindak dengan melukis corak diatas carta berdasarkan anasisa kira-kira(study) yang telah diprogramkan. Terdapat dua jenis indicators iaitu leading indicator(mendahului) dan lagging indicators(mengekori/lambat)

🚩 **Leading Indicators** terdiri daripada **CCI, Relative Strength Index(RSI) dan Stochastic**. Menganggar harga pasaran mencapai paras jualan tepu (oversold) dan belian tepu(overbought). Contoh leading indicator:)RSI-mengukur peratusan jual/beli dengan mentafsir nilai overbought jika RSI >80 dan oversold jika RSI <20


🚩 **Lagging Indicators** terdiri daripada **MA (Moving Average)** adalah salah satu indicator yang popular. Ia digunakan untuk menggambarkan trend jika harga semasa melepasi satu-satu unjuran MA. Antara setting MA yang popular ialah 5EMA, 20EMA, 100EMA, 200SMA, 60SMA, 50EMA dan banyak lagi.

🚩 **MACD** (Moving Average Convergence-Divergence), mengukur pergerakan dua

Line Moving Average (slow & fast). Biasanya digunakan untuk melihat divergence iaitu ia memperlihatkan corak pergerakan yang berlawanan dengan corak harga pasaran

### ***Jenis-jenis candlestick.***

Candlestick merupakan pattern yang biasa digunakan dalam chart forex. Candlestick ialah cara yang dihasilkan di Jepun lebih 100 tahun dulu. Di mana candlestick telah digunakan utk menganalisa pasaran beras. Dari situlah terhasilnya teknik ini. Dengan candlestick ini juga kita dapat memahami keadaan pasaran forex. Untuk mendapatkan keterangan yang lebih terperinci, anda boleh rujuk ebooks percuma yang saya sertakan oleh Steve Nison "Beyond Candlestick" dan Japanese Candlestick Charting Techniques"




Dengan melihat pola dan tips candlestick kita dapat melihat tanda-tanda awal reversal atau pembalikan arah


Berikut adalah pola & tips candlestick yang terpenting :

- + **Morubozu**
- + **Spinning Tops**
- + **Doji**
- + **Hammer & Hanging Man**
- + **Shooting Star/Evening Star.**


**Marubozu** adalah bar full body tanpa shadow. Biasanya merupakan indikasi awal suatu trend akan berlanjut.




**Spinning tops** ialah apabila body lebih pendek daripada shadow dan berada di tengah-tengah. Body yang pendek menunjukkan sedikit terjadi pergerakan harga dari open hingga close, shadow menunjukkan selama sesi harga aktif bergerak naik dan turun. Spinning tops setelah bar panjang biasanya berpotensi akan terjadi perubahan arah trend.




**DOJI** : Doji terjadi apabila harga open sama dengan harga close sehingga body hanya membentuk suatu garis.



**Hammer dan Hanging Man** dapat juga dijadikan indicator pembalikan arah trend seperti terlihat pada gambar di bawah, indicator ini harus dipastikan juga dengan bar yang terjadi selepasnya. Syarat Hammer dan Hanging Man adalah Shadow harus lebih panjang daripada body





## ***Jenis-jenis indikator (penunjuk)***

Terdapat beratus-ratus jenis indikator yang terdapat dalam dunia forex. Indikator ini secara dasarnya adalah suatu script atau program yang telah ditulis oleh programmer. Di sini saya akan membicarakan beberapa “indikator” yang kerap kali atau biasa digunakan.

